



On 1 March 2024, YB Minister of Transport made a press statement regarding the Cabotage Policy. Following that, the Ministry of Transport Malaysia (MOT) would like to highlight significant updates to the Cabotage Policy effective from 1 June 2024:

- 1. Domestic Shipping License (DSL) Requirement:** All ships making more than one port call in Malaysia must possess a valid Domestic Shipping License (DSL) starting 1 June 2024.
- 2. Revocation of Cargo Vessel Exemption for East Malaysia:** The exemption for cargo vessels traveling from Peninsular Malaysia to Sabah and vice versa; Peninsular Malaysia to Sarawak and vice versa; Peninsular Malaysia to Labuan and vice versa; within ports in Sabah; and within ports in Sarawak (**P.U.(B) 274 and P.U.(B) 275**) **will be revoked from 1 June 2024.**
- 3. Expanded Exemption for Certain Routes:** Commencing 1 June 2024, foreign containerized transshipment cargo ships plying from Peninsular Malaysia to Sabah and vice versa; from Peninsular Malaysia to Labuan and vice versa; as well as between ports within Sabah, will be exempted from the Cabotage Policy. However, **a valid DSL remains mandatory for all these routes.**
- 4. Exemption for Cable Laying Activities:** From 1 June 2024, foreign cable laying ships involved in subsea telecommunication cable laying, repair, and maintenance services will also be exempted from the Cabotage Policy. Nonetheless, **possessing a valid DSL remains a prerequisite.**

These updates aim to streamline maritime operations while ensuring adherence to regulatory standards. MOT encourages all stakeholders to familiarize themselves with these changes and ensure compliance accordingly.

For further inquiries or assistance regarding the Cabotage Policy and DSL applications, please contact edsl@mot.gov.my.

Ministry of Transport, Malaysia
29 May 2024



Pada 1 Mac 2024, YB Menteri Pengangkutan telah mengeluarkan kenyataan media berhubung hala tuju Dasar Kabotaj. Berikutan itu, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) ingin memaklumkan pengemaskinian penting kepada Dasar Kabotaj yang akan berkuat kuasa mulai 1 Jun 2024:

- 1. Keperluan Lesen Perkapalan Dalam Negeri (DSL):** Semua kapal yang membuat lebih daripada satu panggilan pelabuhan di Malaysia mesti memiliki Lesen Perkapalan Dalam Negeri (DSL) yang sah mulai 1 Jun 2024.
- 2. Pembatalan Pengecualian Kapal Kargo bagi Malaysia Timur:** Pengecualian kepada kapal kargo yang mengangkut kargo dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan sebaliknya; Semenanjung Malaysia ke Sarawak dan sebaliknya; Semenanjung Malaysia ke Labuan dan sebaliknya; antara pelabuhan-pelabuhan di Sabah; dan antara pelabuhan-pelabuhan di Sarawak (**P.U.(B) 274 dan P.U.(B) 275**) **akan dibatalkan mulai 1 Jun 2024.**
- 3. Peluasan Pengecualian Dasar Kabotaj kepada Laluan Tertentu:** Kapal kontena yang menjalankan perkhidmatan pengangkutan kargo pindah kapal yang dikontenakan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dan sebaliknya; dari Semenanjung Malaysia ke Labuan dan sebaliknya; serta antara pelabuhan dalam Sabah, akan dikecualikan daripada Dasar Kabotaj bermula 1 Jun 2024. Walau bagaimanapun, **DSL yang sah adalah diwajibkan bagi laluan tersebut.**
- 4. Pengecualian Dasar Kabotaj bagi Kapal Pemasangan Kabel:** Mulai 1 Jun 2024, kapal pemasangan kabel asing yang terlibat dalam aktiviti pemasangan, pembaikan dan penyelenggaraan kabel telekomunikasi dasar laut akan dikecualikan daripada pemakaian Dasar Kabotaj. Namun, **kapal tersebut tetap memerlukan DSL yang sah untuk beroperasi.**

Notis pengemaskinian ini bertujuan menyelaraskan operasi maritim serta memastikan pematuhan kepada piawaian peraturan. MOT menggalakkan semua pihak berkepentingan untuk peka kepada perubahan Dasar Kabotaj dari semasa ke semasa dan memastikan pematuhan sewajarnya.

Untuk sebarang pertanyaan berhubung Dasar Kabotaj dan permohonan DSL, sila hubungi edsl@mot.gov.my.

Kementerian Pengangkutan Malaysia
29 Mei 2024